

# Malaysia positif hadapi cabaran

16 NOV 1993

**K**UALA LUMPUR 15 Nov. — Malaysia akan terus mengambil pendekatan positif, inovatif dan pragmatik dalam menghadapi cabaran bagi ekonomi dalam negeri mahupun antarabangsa dalam tempoh 26 tahun akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, untuk itu Malaysia akan terus berpegang kepada keyakinannya terhadap pasaran bebas serta penubuhan kumpulan ekonomi wilayah yang tidak eksklusif.

Beliau yang berucap di Persidangan mengenai Malaysia: Kuasa Ekonomi Dekad '90-an di hadapan beratus para pembuat dasar, tokoh korporat dan ahli ekonomi dari seluruh dunia di sini hari ini berkata, matlamat utama Malaysia ialah untuk memastikan bahawa sasaran Wawasan 2020 dapat dicapai.

Ucapannya bertajuk *Dari Sini Ke Wawasan 2020* yang turut melahirkan rasa tidak senang dengan ekonomi antarabangsa yang semakin jauh dari membuka

pasaran mereka turut menyenaraikan beberapa perubahan struktur ekonomi Malaysia yang mengambil tempat sekarang.

"Sumbangan sektor pengeluaran kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka naik 1.2 peratus lagi kepada 30.1 peratus tahun ini berbanding 28.9 peratus seperti yang diunjurkan pada tahun lalu.

"Peningkatan ini berikutan pertumbuhan dalam sektor berkenaan yang stabil pada kadar 50 peratus setahun sejak 1987 lagi," katanya di persidangan yang dianjurkan oleh akhbar antarabangsa, International Herald Tribune, MIDA dan ISIS Malaysia.

"Keadaan ini disebabkan langkah yang dibuat oleh kerajaan dalam meningkatkan pelaburan asing serta polisi yang liberal untuk sektor berkenaan," katanya.

Beliau berkata, selain dari itu langkah lain yang dilaksanakan seperti meningkatkan penglibatan sektor swasta melalui dasar penswastaaan, kelonggaran

undang-undang dan lain-lain lagi.

"Apa yang penting lagi ialah peralihan daripada industri menggunakan insentif tenaga buruh kepada industri menggunakan teknologi tinggi di negara ini," ujarnya.

Menurutnya, ini terbukti penurunan dalam nisbah antara pekerjaan dengan pelaburan setiap RM1 juta daripada 22 pekerjaan pada 1980 kepada empat pekerjaan pada tahun lalu.

Menurutnya nisbah intensif modal per projek meningkat daripada RM4.6 juta pada 1980 kepada RM31.8 juta pada tahun lalu.

Mahathir juga memberitahu, untuk meningkatkan pendapatan, kerajaan akan menggubal polisi percukaian sebagai langkah untuk meningkatkan pelaburan swasta.

Sungguhpun pelaburan asing digalakkan kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan polisi yang sedia kerana ia mencukupi.

"Kerajaan akan memastikan semua jentera dari segenap peringkat bekerja de-

ngan lebih cekap dengan sektor swasta, sesuai dengan semangat Persyarikatan Malaysia," ujarnya.

Mengenai Wawasan 2020, beliau yakin matlamat tersebut akan tercapai kerana para pemimpinnya dan rakyat telah menerima konsep kebangsaan itu.

Mahathir sekali lagi menegaskan yang pada tahun tersebut Malaysia mahu mempunyai sebuah ekonomi berimbang yang maju dalam setiap sektor, ekonomi yang boleh berdikari, yang kompetitif, yang dipengaruhi oleh kuasa fikiran serta kemahiran, menggunakan teknologi tinggi serta inflasi dan kos pengeluaran yang rendah.

Beliau berkata, matlamat itu boleh dicapai kerana Malaysia kini menikmati pertumbuhan ekonomi pada kadar purata 6.7 peratus dalam tempoh 20 tahun sejak merdeka.

"Apa yang perlu untuk mencapai Wawasan 2020 ialah tambahan 0.3 peratus lagi dalam pertumbuhan ekonomi negara," ujarnya.